

63 **USAHAWAN MUDA**  
Gengmosha pikat selera  
warga kampus

66 **USAHAWAN MUDA**  
Dr Suet Yan bangun sistem  
kesan tanda kemurungan

KHAMIS

26 10  
2017



BH

# VARSITI

bhvarsiti@bh.com.my

## Peratusan pelajar mengundi pada pemilihan MPP sesi 2017/2018 di UA

Nota: Universiti Malaysia Terengganu dan Universiti Teknologi Malaysia - semua kerusi dimenangi tanpa bertanding, justeru tiada sesi pemilihan diadakan.



Oleh Basir Zahrom  
basir\_zahrom@bh.com.my

Kuala Lumpur

Pemilihan majlis perwakilan pelajar (MPP) sesi 2017/2018 universiti awam (UA) menimbulkan desas-de-

sus bahawa keputusannya sedikit sebanyak memberi gambaran 'arah haluan' pengundi muda di kampus pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) nanti.

Walau apapun tanggapan pihak luar, golongan akar umbi itu mempunyai penegasan tersendiri, iaitu senario keseluruhan lebih ke arah mencerminkan kematangan mahasiswa dalam membuat

pertimbangan, penilaian dan penentuan pemimpin.

Bagi mahasiswa Ijazah Sarjana Muda Perakaunan, Universiti Malaysia (UM), Muhammad Syahmi Mohamad Nor, hasil pemilihan MPP kali ini memberi mesej semakin jelas penolakan pelajar terhadap budaya 'politik retorik dan kebencian'.

V32/33

## usahawanmuda

(FOTO ROSNAN WAHID / BH)

# Gengmosha pikat selera warga kampus

Oleh Nor Azma Laila  
norazma@bh.com.my

Gombak

Pejabat Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Ahmad 'Aqil Taquddin Azmy, 23, mula menceburi dunia perniagaan pada 2015 sebagai kesinambungan tugas yang dibuat bagi memenuhi keperluan subjek pengajian ketika itu.

Mahasiswa semester akhir Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (dengan Kepujian) itu mengambil keputusan menubuhkan perniagaan minuman kopi yang dikenali dengan nama Gengmosha berbekalkan modal permulaan sebanyak RM3,000 bersama empat lagi rakan kongsi.

"Cawangan pertama Gengmosha dibuka di Student Mall UIAM, dua tahun lalu, dan cawangan kedua dibuka di Kuliyah Ekonomi dan Sains Pengurusan pada Mac lalu.

"Saya turut membuka dua lagi cawangan kios minuman di Universiti Malaysia (UM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) pada

April lalu tetapi kedua-duanya dipantau secara berkala sahaja kerana diuruskan oleh adik serta rakan berikutan kekangan masa dan lokasi," katanya ketika ditemui di sini, baru-baru ini.

Sambutan baik

Kios minuman Gengmosha yang beroperasi dari jam 10 pagi hingga 6 petang itu menawarkan pelbagai menu, termasuk ice blended, kopi ais, coklat ais, susu kocak dan kopi panas.

Ahmad 'Aqil berkata, produk minuman dijual pada harga RM2 hingga RM5 itu didatangkan dalam tiga pilihan saiz, iaitu kecil, sederhana dan besar.

"Sambutan diterima daripada pelanggan sangat memuaskan, mungkin kerana harga ditawarkan berpatutan dengan pelbagai pilihan perisa berjaya menarik perhatian mereka. Minuman coklat dan kopi menjadi tarikan utama di kios Gengmosha.

"Saya memang menyasarkan pelanggan dalam kalangan mahasiswa, malah kebanyakan pekerja Gengmosha terdiri daripada pelajar UIAM. Secara automatik, mereka akan

menarik rakan sekuliah untuk turut mencuba pelbagai minuman dijual di kios ini," katanya.

Sepanjang beroperasi, kios Gengmosha berjaya menjual purata 1,000 cawan minuman sehari bagi dua cawangan di UIAM kampus Gombak.

Berkongsi mengenai cabaran bergelar mahasiswa dan usahawan muda pada masa sama, anak sulung daripada empat adik-beradik itu berkata, beliau tidak mendapat sokongan moral daripada rakan pada peringkat awal.

Namun lama-kelamaan, beliau berkata, perkara itu dapat diatasi apabila bertemu ramai rakan baharu, malah pelanggan tetap turut bertukar menjadi sahabat rapat hingga kini.

"Persaingan pula sudah menjadi asam garam dalam dunia perniagaan. Lebih sengit persaingan, lebih banyak usaha dan penambahbaikan akan dilakukan supaya dapat terus menawarkan perkhidmatan serta produk terbaik kepada pelanggan.

Sokongan padu

"Saya bertuah kerana



Ahmad 'Aqil menunjukkan minuman yang dijual di kios minuman Gengmosha.



Ahmad 'Aqil melayan pelanggan mengunjungi kios minuman Gengmosha.

mendapat sokongan padu keluarga, mentor perniagaan, rakan dan pelanggan sehingga Gengmosha kini memiliki empat cawangan dengan kekuatan 29 pekerja separuh masa di dua cawangan di UIAM," katanya.

Pada masa depan, Ahmad 'Aqil bercadang menambah cawangan kios minuman Gengmosha di setiap

kampus UIAM dan pusat matrikulasi universiti awam (UA) yang lain.

"Saya bercadang membuka tiga lagi cawangan dalam tempoh tiga tahun akan datang dan lokasi yang menjadi pilihan ialah UIAM kampus Pagoh, Negeri Sembilan, dan Kuantan serta Gambang, Pahang," katanya.

info

### Gengmosha

→ Coklat ais adalah menu paling mendapat sambutan pelanggan